



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
MAC 2019**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
DR. CORNELIA CHARITO SIRICORD
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**12 MAC 2019
DATARAN KIMIA MALAYSIA
8.30 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

(Salutasi)

Bismillahirrahmanirrahim

- Terima kasih saudara dan saudari
Pengerusi Majlis
- **Yang Berusaha Tuan Haji Mohamed
Zaini bin Abdul Rahman**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),
Jabatan Kimia Malaysia
- **Pengarah-Pengarah Kanan Pusat**
- **Pegawai-pegawai Bahagian**
- **Serta Tuan-tuan dan Puan-puan,
warga KIMIA yang saya hormati
sekalian.**

Assalamualaikum

Warrahmatullahi

Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kimia Malaysia Ibu Pejabat bagi bulan Mac 2019 pada pagi yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

Pengarah serta warga kerja **Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)** kerana telah mengatur dan menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini dengan baik sekali.

Warga KIMIA yang dihormati,

[HARI WANITA 2019 : 8 MAC 2019]

3. Belum terlambat rasanya bagi saya untuk mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada semua warga wanita KIMIA yang dikasihi.

4. 'Seimbang Untuk Sejahtera' atau '*Balance for Better*' dipilih sebagai tema sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 pada tahun ini. Tema ini dipilih bagi meraikan wanita-wanita di seluruh dunia yang menjadi tunggak dalam pembentukan keluarga yang penyayang serta menjadi pemangkin terhadap kemajuan negara. Mesej penting tahun ini adalah kaum wanita haruslah diberi peluang sama rata sejajar dengan tema 'Seimbang Untuk Sejahtera'.

[MAJLIS APRESIASI MESTECC 2019]

5. Majlis Apresiasi MESTECC 2019 bagi meraikan pegawai yang telah bersara dan bakal bersara Tahun 2019 dan meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 telah diadakan di PICC pada 7 Mac lepas.
6. Seramai 26 pesara dan bakal pesara Kimia Malaysia tahun 2019 diraikan pada majlis ini. Seramai 100 orang warga Kimia seluruh Malaysia pula

menerima APC pada majlis yang sama.

7. Kepada pesara & bakal pesara, terima kasih atas jasa bakti, jasa dan pengorbanan sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kepada semua penerima APC pula, tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan masing-masing. Saya percaya anugerah ini merupakan pengiktirafan atas daya usaha, dedikasi dan komitmen saudara-saudari dalam melaksanakan tugas-tugas yang

dipertanggungjawabkan dengan cemerlang.

8. Saya yakin sebagai penerima APC, anda mempunyai kelebihan dan keunikan tertentu yang menarik perhatian panel pemilihan. Anda perlu terus berusaha meningkatkan daya saing dan keupayaan diri melalui penguasaan ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang berkaitan. Saya juga ingin mengingatkan penerima-penerima APC bahawa anugerah ini

juga membawa tanggungjawab yang berat iaitu Tuan/Puan harus menunjuk teladan yang baik dari segi prestasi dan kelakuan untuk menjadi contoh kepada semua warga KIMIA Malaysia.

Tuan-tuan/Puan-puan,

[PERSARAAN]

9. Untuk makluman semua, warga Kimia berikut akan bersara pada bulan Mac 2019 ini:

- Encik Mohd Yussof bin Md. Jonet,
Pengawal Keselamatan Gred KP14

daripada BKP (Persaraan Pilihan) -

01.03.2019

- Encik Wong Kong Yong, Pegawai Sains Gred C54 daripada Pusat Forensik (Persaraan Wajib) -

17.03.2019

- Puan Hajah Zamrati binti Dusu, Pembantu Makmal Gred C26TBK daripada JKMN Sabah (Persaraan Wajib)- 23.03.2019

10. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan tuan/puan pada Jabatan Kimia Malaysia selama ini.

Hadirin sekalian,

[KENAIKAN PANGKAT]

11. Sepanjang bulan Februari lepas, beberapa pegawai telah dinaikkan pangkat (pemangkuan). Mereka adalah:

- Encik Mohd Najib bin Ali sebagai Pembantu Makmal Gred C28.
- Encik Isa bin Ali Mohamed sebagai Pembantu Makmal Gred C26
- Kedua-duanya ditempatkan di JKMN Johor.

12. Tahniah dan syabas kepada semua.
Diharap dengan kenaikan pangkat ini akan dapat meningkatkan semangat & usaha dalam kerjaya masing-masing.

[PENGANUGERAHAN PINGAT]

13. Sukacita dimaklumkan bahawa pada 19 Februari 2019 yang lepas, Puan Juriyah binti Awi, Ketua Pembantu Tadbir Gred N26TBK, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia telah dikurniakan Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.) sempena

Pengurniaan Pingat dan Darjah
Kebesaran, Bintang dan Pingat
Wilayah Persekutuan (DKBPWP)
Tahun 2019.

14. Tahniah dan syabas atas penganugerahan pingat tersebut.

Tuan/Puan,

[ANAB]

15. Saya juga ingin memaklumkan dengan bangganya bahawa, Jabatan Kimia Malaysia telah berjaya menerima persijilan akreditasi

daripada pihak **ANSI National Accreditation Board (ANAB)** untuk 13 Makmal Forensik yang terdiri daripada:

- i. Pusat Analisis Sains Forensik, Ibu Pejabat, Jabatan Kimia Malaysia
- ii. Jabatan Kimia Malaysia Negeri Johor
- iii. Jabatan Kimia Malaysia Negeri Pulau Pinang
- iv. Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sabah

v. Jabatan Kimia Malaysia Negeri
Kedah

vi. Jabatan Kimia Malaysia Negeri
Terengganu

vii. Jabatan Kimia Malaysia Negeri
Melaka

viii. Jabatan Kimia Malaysia Negeri
Pahang

ix. Jabatan Kimia Malaysia Negeri
Kelantan

x. Jabatan Kimia Malaysia Negeri
Sarawak

- xi. Jabatan Kimia Malaysia Negeri Perak
- xii. Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Bintulu
- xiii. Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Sibul, Sarawak

Hadirin sekalian,

[WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF)]

- 16. Seperti semua sedia maklum, Waktu Bekerja Fleksi (WBF) telah berkuatkuasa bermula pada 1 Mac

2019 yang lepas. Antara intipatinya adalah seperti berikut;

- (i) Terpakai kepada semua pegawai yang mengamalkan Waktu Bekerja Pejabat

- (ii) Waktu Pejabat bermula 7.30 pagi - 5.30 petang. Pegawai boleh mengetik kehadiran pada bila-bila masa antara 7.30 pagi - 8.30 pagi.

(iii) WBF membolehkan pegawai hadir dan pulang mengikut tempoh masa fleksible dengan SYARAT perlu mencukupkan 9 jam waktu bekerja pejabat pada setiap hari.

Sebagai contoh: Sekiranya seseorang pegawai memulakan tugas pada 8.10 pagi maka beliau boleh menamatkan tugas pada 5.10 petang pada hari tersebut.

- (iv) Pelaksanaan WBB dalam PP4/2017 DIKECUALIKAN sepanjang tempoh pelaksanaan WBF secara rintis ini.

- (v) Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita mengandung dan suami (PP11/2017) adalah masih terpakai.

- (vi) Pelaksanaan peraturan kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu pejabat

adalah dilaksanakan seperti
berikut:

- Sekiranya pegawai mengetik kehadiran di antara pukul 7.30 pagi-8.30 pagi, kebenaran pelepasan bermula mengikut tempoh pelepasan yang dimohon pegawai; atau
- Sekiranya pegawai tidak mengetik kehadiran di antara pukul 7.30 pagi-8.30 pagi, kebenaran pelepasan dikira bermula mulai pukul 8.30 pagi.

(vii) Ketua Jabatan atas kepentingan perkhidmatan boleh mengarahkan mana-mana pegawai untuk hadir ke pejabat pada masa-masa yang ditetapkan.

17. Tempoh WBF adalah seperti berikut:

<i>Hari</i>	<i>Waktu Masuk (pagi)</i>	<i>Waktu Keluar (petang)</i>	<i>Tempoh Waktu Bekerja Pejabat Yang Perlu Dipatuhi</i>
Isnin - Jumaat	7.30 - 8.30	4.30 - 5.30	9 jam

Warga KIMIA yang dihormati,

[MESYUARAT HOD BIL1/2019]

18. Untuk makluman semua, pada 17 – 20 Februari yang lepas, Mesyuarat Ketua-Ketua Pusat/ Bahagian/ Negeri/ Cawangan Jabatan Kimia Malaysia Bil. 1/2019 telah berjalan dengan jayanya.

19. Saya akan nyatakan beberapa rumusan mesyuarat yang berkaitan untuk makluman semua:

- **Prestasi Proficiency Testing (PT).**

Keputusan PT menggambarkan tahap kompetensi pegawai serta Jabatan dalam menjalankan analisis berkaitan. Bilangan PT Outlier yang diterima & berulang amat mengecewakan. Semua pihak perlu menjalankan penyiasatan untuk mendapatkan 'root cause' sebenar.

- **Kemudahan Tambang**

Mengunjungi Wilayah Asal.

Penyelia perlu memastikan

pasangan yang menerima Elaun Wilayah (yang kedua-duanya merupakan kakitangan kerajaan), hanya salah seorang sahaja layak untuk menerima elaun tersebut.

- **Saranan.** Semua pihak (QM/TM/staf) samada dari Ibu Pejabat atau KIMIA Negeri/Cawangan perlu membuat sesi perbincangan dengan staf secara berkala (bulanan) dalam isu-isu kualiti seperti kaedah analisis, penyiasatan PT dan kawalan kualiti

untuk mencari punca sebenar isu-isu berulang.

- **Gagal tamat belajar selepas tempoh belajar.** Isu pegawai lapor diri bekerja tanpa menamatkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan perlu ditangani supaya perkara yang sama tidak berulang lagi. Penyelia harus menapis terlebih dahulu sebelum menyokong kakitangan yang menyambung pelajaran supaya isu yang sama tidak berulang.

- **KPSL.** Peratus yang lulus amat sedikit. Di sini saya ingin menekankan pentingnya latihan/ sesi perkongsian ilmu/ diskusi dalam kumpulan kecil.
- **Pemendekan Tempoh Piagam.** 6 perkhidmatan telah disasarkan untuk dipendekkan piagam:

1.	Bahagian Narkotik	Dadah Berbahaya (Kes Pemilikan)	28 hari
2.	Bahagian Kriminalistik	Kemalangan Jalan Raya	25 hari
3.	Bahagian Kimia Makanan	Sijil Pelesenan Air Mineral – Analisis Kimia	10 hari
4.	Industri	Akta Perihal Dagangan 1972 – Kes Penguatkuasaan	30 hari
5.	Industri	Higien Industri	30 hari
6.	Sekitaran	Buangan Terjadual	30 hari

20. Antara yang diperbincangkan adalah **20 Kertas Pertimbangan** daripada Pusat/ Bahagian/ Negeri serta Cawangan. Sebanyak **19** Kertas Pertimbangan telah diluluskan bersyarat dan **1** telah diluluskan iaitu mulai 1hb Januari 2019. Tindakan Penalti akan dikenakan terhadap pegawai yang menolak kenaikan pangkat. Pegawai tersebut akan kehilangan satu pusingan di mana mereka akan diletakkan di tempat

paling bawah dalam senarai kenaikan pangkat tersebut.

Tuan/Puan,

**[ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 1
TAHUN 2019 : PANDUAN PENGURUSAN
SURAT RASMI DAN E-MEL MESTECC]**

21. Pada 25 Februari yang lepas, pihak MESTECC telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2019 yang bertajuk Panduan

Pengurusan Surat Rasmi dan E-Mel
MESTECC.

PENGURUSAN SURAT RASMI MESTECC

22. Semua surat / memo yang diterima daripada Pejabat YB Menteri dan Pejabat KSU yang memerlukan maklum balas hendaklah diambil tindakan serta merta, tidak lewat daripada **tiga (3) hari bekerja**.
23. Bagi surat atau permohonan yang memerlukan masa dan pertimbangan teliti hendaklah hendaklah dijawab tidak melebihi **lima (5) hari bekerja**

dan diberi notifikasi awal **dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh surat diterima**

PENGURUSAN EMEL MESTECC

24. **Penghantaran e-mel** yang melibatkan pemakluman, permohonan dan penyediaan maklumat berkaitan MESTECC **perlu disediakan dalam bentuk rasmi dan formal** kepada siapa ia ditujukan dengan menggunakan singkatan gelaran termasuk penggunaan bahasa yang betul.

1. Bagi e-mel yang mempunyai lampiran, ia hendaklah juga menyatakan kandungan utama laporan secara ringkas.
2. Diharapkan tuan/puan akan mengikut peraturan yang telah digariskan ini bagi meningkatkan imej dan mutu perkhidmatan awam.

[PENUTUP]

3. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin mengucapkan selamat panjang umur dan murah rezeki kepada warga KIMIA yang menyambut ulangtahun kelahiran pada bulan Mac ini.
4. Sebelum mengundur diri, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua warga KIMIA yang telah menjayakan segala peranan, tanggungjawab, program

mahupun aktiviti sepanjang bulan Februari lalu. Saya amat berharap ia dapat dikekalkan, diperbaiki dan ditambah nilai supaya pencapaian sepanjang tahun 2019 ini akan lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

5. Marilah kita bersatu hati dan berganding bahu dengan satu niat yang suci iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan akhirnya mensyukuri

kurniaan Tuhan kerana diizinkan
Tuhan untuk mencari rezeki di tempat
yang diredhai lagi diberkati.

6. Inilah KIMIA Malaysia. Tempat kita
mencari rezeki dan menabur bakti.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.